

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**KPM SEDIAKAN BANTUAN KEPADA WARGA PENDIDIKAN TERJEJAS
BANJIR, ASPEK KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN
DIBERI KEUTAMAAN**

Kementerian Pendidikan (KPM) ingin memaklumkan bahawa sehingga jam 8.00 pagi hari ini, sebanyak 69 buah sekolah di Sabah dan Sarawak terjejas banjir (Sabah - 33 sekolah rendah dan 5 sekolah menengah; Sarawak - 28 sekolah rendah dan 3 sekolah menengah).

Sebanyak 7 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di premis institusi pendidikan KPM negeri Sabah sedang beroperasi.

KPM pada waktu ini sedang melakukan persiapan bagi pembukaan sekolah selepas Cuti Penggal 2, Sesi 2025/2026. Ini termasuk melakukan kerja pembersihan dan bantuan penyelenggaraan sekolah terjejas banjir.

Murid yang terjejas banjir diberi kelonggaran untuk tidak memakai seragam sekolah. Bagi murid yang terkandas dan tidak dapat hadir ke sekolah, mereka boleh mengikuti proses pembelajaran secara pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR).

KPM menyediakan bantuan terbaik kepada murid terjejas termasuk dari segi aspek penyediaan bahan pembelajaran serta sokongan psikososial dan emosi.

Ibu bapa/penjaga murid, guru, pegawai dan anggota kumpulan pelaksana yang terjejas diminta untuk memaklumkan situasi masing-masing kepada pihak sekolah/jabatan.

Pihak sekolah dan pejabat pendidikan daerah diminta untuk mendapatkan maklumat terkini situasi banjir daripada Sekretariat jawatankuasa pengurusan bencana negeri, jabatan pendidikan negeri dan agensi berkaitan. KPM memberi keutamaan kepada aspek keselamatan dan kesejahteraan seluruh warganya.

TAMAT

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
19 SEPTEMBER 2025**